

**1. Apakah produk ini?**

Skim Insurans Keluarga Malaysia ialah pelan takaful berkelompok dan patuh Syariah yang menyediakan manfaat sekaligus sekiranya berlaku kematian akibat sebab semula jadi atau akibat kemalangan, serta menyediakan manfaat sekaligus sekiranya anda mengalami Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD) disebabkan sebarang sebab.

Pelan ini adalah percuma dan ia ditawarkan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar dan miskin yang layak dan terpilih di bawah pangkalan data eKasih yang dikendalikan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM).

Skim Insurans Keluarga Malaysia menawarkan perlindungan untuk tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh sijil berkuatkuasa Ahli yang Dilindungi. Ia diuruskan secara eksklusif oleh PruBSN Takaful Berhad (PruBSN).

**2. Apakah konsep Syariah yang berkenaan?**

- **Ta'awun:**  
Persetujuan untuk saling membantu berdasarkan prinsip kesamarataan dan kesatuan yang melibatkan kepentingan dan manfaat bersama. Takaful adalah berdasarkan konsep *Ta'awun* seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang bermaksud suatu persetujuan yang berdasarkan kepada pertolongan bersama di mana peserta-peserta takaful bersetuju untuk menyumbang ke dalam suatu dana yang akan memberi manfaat kewangan yang akan dibayar kepada peserta-peserta takaful atau kepada waris mereka sekiranya berlaku perkara-perkara yang telah dipersetujui terlebih dahulu. Berdasarkan perkara di atas, sumbangan yang akan dimasukkan dan dikumpulkan ke dalam dana bersama iaitu Dana *Tabarru'* (dana yang dimiliki secara kolektif oleh peserta) adalah *Tabarru'* at (kebajikan) secara alami.
- **Wakalah bi al-ujrah:**  
Persetujuan di mana PruBSN dilantik untuk menguruskan perkhidmatan keseluruhan yang disediakan di bawah sijil anda. Kami akan mengambil sebahagian daripada sumbangan anda sebagai upah untuk perkhidmatan ini, yang mana termasuk caj berkaitan pengagihan. Selain daripada Caj-caj *Wakalah*, PruBSN juga layak menerima yuran prestasi di atas lebihan yang boleh diagihkan daripada Dana *Tabarru'*.

**3. Apakah perlindungan/manfaat- manfaat yang disediakan?**

- **Manfaat Kematian**  
Suatu amaun sekaligus akan dibayar sekiranya Ahli yang Dilindungi meninggal dunia secara semulajadi atau kemalangan sepanjang tempoh sijil. Perlindungan di bawah pelan akan ditamatkan apabila sebarang manfaat di bawah pelan telah dibayar.
- **Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD)**  
Suatu amaun sekaligus akan dibayar sekiranya Ahli yang Dilindungi mengalami Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD) disebabkan oleh sebarang sebab, sepanjang tempoh sijil. Perlindungan di bawah pelan akan ditamatkan apabila sebarang manfaat di bawah pelan telah dibayar.

Berikut adalah butiran amaun manfaat:

<b>Manfaat-manfaat</b>	<b>Jumlah yang Dilindungi (RM)</b>
Manfaat Kematian secara Semulajadi	10,000
Manfaat Kematian akibat Kemalangan	25,000
Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh	10,000

Pelan ini menawarkan perlindungan untuk tempoh dua belas (12) bulan.

**4. Berapakah sumbangan yang harus dibayar?**

Skim Insurans Keluarga Malaysia ini ditawarkan secara percuma dengan sumbangan ditaja oleh Kerajaan Malaysia kepada Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar dan miskin yang layak dan berdaftar dengan eKasih. Tiada bayaran sumbangan perlu dibuat sekiranya anda terpilih menyertai pelan ini.

**5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu diketahui?**

- **Penamaan** – Anda dinasihatkan supaya menamakan penama (-penama) untuk sijil takaful bagi memastikan penyelesaian tuntutan yang lancar. Anda juga harus memastikan bahawa penama(-penama) mengetahui tentang sijil yang telah anda ambil.
- **Tuntutan** – Sila rujuk kepada Ringkasan Sijil Induk untuk memahami dengan lebih lanjut mengenai prosedur tuntutan.

**Nota:** Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Ringkasan Sijil Induk untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah sijil ini.

**6. Apakah pengecualian- pengecualian utama di bawah pelan ini?**

**Manfaat Kematian secara Semulajadi**

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Kematian secara Semulajadi sekiranya kematian Ahli yang Dilindungi disebabkan oleh perbuatan membunuh diri secara langsung atau tidak langsung, sama ada semasa waras atau tidak waras.

**Manfaat Kematian akibat Kemalangan**

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Kematian akibat Kemalangan sekiranya Ahli yang Dilindungi meninggal dunia disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

- (a) peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, kuasa ketenteraan atau rampasan kuasa, pembabitian secara langsung dalam rusuhan, mogok atau kekacauan awam; atau
- (b) pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau menentang penahanan; atau
- (c) cubaan membunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan dalam keadaan siuman atau tidak siuman; atau
- (d) kehamilan, kehamilan sekarang dan sebelumnya, (dan komplikasi berkaitan), melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan dan apa juga pembedahan atau prosedur bukan pembedahan ke atas sistem peranakan wanita ketika pembedahan untuk kelahiran), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia, rawatan berkaitan ketidaksuburan termasuk disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan; atau
- (e) mabuk akibat alkohol atau dadah; atau
- (f) terlibat atau mengambil bahagian dalam sukan profesional, selam skuba, sebarang acara perlumbaan, penerbangan udara (termasuk terjun lelabah, luncur udara, belon udara, payung terjun dan terjun udara) melainkan sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang menaiki pesawat penumpang komersil berlesen yang beroperasi melalui laluan yang dijadualkan biasa atau sebarang aktiviti atau sukan berbahaya, melainkan Kami telah bersetuju melalui pengendorsan khas; atau
- (g) penggunaan narkotik atau dadah melainkan diambil mengikut preskripsi perubatan berdaftar yang berkecualan; atau
- (h) apa-apa bentuk sakit atau penyakit yang bukan disebabkan oleh kemalangan.

**Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD)**

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh jika Ahli Yang Dilindungi hilang upaya kekal dan menyeluruh secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh:

- (a) cubaan untuk membunuh diri atau mencederakan diri sendiri semasa siuman atau tidak siuman; atau
- (b) apa-apa perbuatan kesalahan jenayah atau sebarang percubaan untuk melakukan kesalahan jenayah; atau
- (c) sebarang penyalahgunaan alkohol, narkotik, dadah atau perangsang dan apa-apa komplikasi yang terhasil daripada penyalahgunaan; atau
- (d) peperangan atau tindakan agresif seperti penceroohan, tindakan negara asing, tindakan musuh (sama ada dengan atau tanpa pengisytiharan perang), perang saudara, pemberontakan, revolusi, rusuhan, campur tangan pihak berkuasa tentera dan rampasan kuasa; atau
- (e) apa-apa penglibatan dalam sukan profesional, selam skuba, apa-apa jenis perlumbaan, penerbangan udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang pesawat komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual biasa atau dalam mana-mana aktiviti atau sukan berbahaya (termasuk lompat bungee, luncur gantung, belon udara, payung terjun dan terjun langit); atau
- (f) sebarang kondisi yang sedia ada.

**7. Apa yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada alamat surat-menyurat?**

Adalah penting untuk Ahli yang Dilindungi memaklumkan kepada PruBSN sekiranya terdapat sebarang perubahan pada alamat surat-menyurat bagi memastikan segala surat-menyurat akan sampai tepat pada waktunya.

**8. Di mana untuk mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya Ahli yang Dilindungi mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan maklumat lanjut mengenai takaful keluarga, sila hubungi PruBSN di:

**Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)**

Aras 13, Menara Prudential,  
Persiaran TRX Barat,  
55188 Tun Razak Exchange,  
Kuala Lumpur.

Tel: **03 2775 7188**

E-mel: [SIKM@prubsn.com.my](mailto:SIKM@prubsn.com.my)

Anda juga boleh lawati laman web kami di [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my)

Prudential BSN Takaful Berhad adalah Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

**9. Lain-lain perlindungan takaful keluarga yang ditawarkan:**

Sila hubungi PruBSN untuk mengetahui mengenai jenis-jenis perlindungan takaful lain yang ditawarkan.

**NOTA PENTING:**

**ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SEPENUHNYA SEMUA MAKLUMAT MENGENAI MANFAAT-MANFAAT DAN TERMA-TERMA YANG TERKANDUNG DI DALAM LAMPIRAN KETERANGAN PRODUK INI. ANDA BOLEH MENGHUBUNGI TERUS PRUBSN SEKIRANYA ANDA INGINKAN MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang dibekalkan di dalam lampiran keterangan ini adalah sah pada 1 September 2022

Disediakan oleh: Prudential BSN Takaful Berhad  
Tarikh: 1 September 2022  
Versi: Skim Insurans Keluarga Malaysia v1.0